

09 NOV 2000

Raja-lantik

TAN SRI MOHAMED DZAIDDIN ABDULLAH DILANTIK KETUA HAKIM NEGARA

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah dilantik sebagai Ketua Hakim Negara.

Pelantikan itu diputuskan pada mesyuarat Majlis Raja-raja ke-187 selama dua hari yang berakhir hari ini, demikian menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja.

Mesyuarat itu juga memutuskan pelantikan Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman sebagai pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya yang baru.

Mohamed Dzaiddin, 63, dilahirkan pada 16 Sept 1937, di Arau, Perlis dan telah mendapat pendidikan awal di sebuah sekolah Melayu di Arau dan kemudian di Kolej Sultan Abdul Hamid di Alor Setar.

Beliau telah diterima menjadi peguam di England pada 19 Julai 1966 dan di Malaysian pada 28 Jan 1967.

Mohamed Dzaiddin yang pernah menjadi wartawan akhbar Malay Mail, telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pada 1 Okt 1982 dan sebagai Hakim Mahkamah Agung pada 18 Dis 1992.

Beliau dianugerah gelaran Datuk Paduka oleh Raja Perlis pada 1996 dan Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran "Tan Sri" oleh Kerajaan Persekutuan pada 3 Jun lepas.

Kenyataan itu tidak menyatakan tarikh pelantikan Mohamed Dzaiddin berkuatkuasa. Beliau menggantikan Tun Eusoff Chin.

Pelantikan Abdul Rashid sebagai Pengerusi Suruhajaya Pilihan Raya yang baru adalah bagi menggantikan Datuk Omar Mohamed Hashim, yang akan bersara mulai esok.

Pelantikan itu umpama sirih pulang ke gagang bagi Abdul Rashid kerana beliau bukan merupakan orang asing bagi SPR.

Ini kerana Abdul Rashid, 57, sebelum ini berkhidmat selama 17 tahun dengan SPR termasuk sebagai setiausaha suruhanjaya itu.

Selepas berkhidmat di SPR, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (II) Kementerian Pendidikan pada Oktober 1995 dan bersara sebagai TKSU I kementerian yang sama pada 31 Dis 1997.

Sepanjang karier 30 tahunnya dalam perkhidmatan awam, Abdul Rashid pernah memegang beberapa jawatan lain termasuk Setiausaha Majlis Perbandaran Melaka dan Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan.

Mesyuarat hari ini dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut kenyataan itu, antara yang dibincangkan dalam mesyuarat itu ialah perkara-perkara berkenaan dasar negara dan agama.

Mesyuarat dua hari itu yang bermula semalam dihadiri oleh semua Raja serta Yang di-Pertua Negeri kecuali Sultan Kedah yang diwakili oleh Raja Muda dan Sultan Johor yang diwakili oleh Tunku Mahkota Tunku Ibrahim Ismail.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Sultan Perak.

-- BERNAMA

AKT AKT MAI